

Pengusaha cendawan perlu ilmu mencukupi



INDUSTRI cendawan mampu memberikan pulangan lumayan kepada pengusahanya.



CENDAWAN bukan saja sedap malah makanan berkhasiat.

INDUSTRI cendawan kini bukan sahaja terdiri daripada petani semata-mata tetapi melibatkan pelbagai golongan profesional.

Ini menunjukkan industri cendawan semakin mendapat tempat dalam masyarakat kerana konsep penanaman ringkas dan kemas serta memberikan pulangan lumayan.

Walaupun bilangan pengusaha cendawan semakin hari semakin ramai, namun tidak ramai pengusaha yang arif tentang teknik penjagaan cendawan dan pengurusan kewangan dan peka terhadap kesan pengabaian.

Dalam usaha merealisasikan pertanian sebagai perniagaan,

pengusaha atau bakal pengusaha perlu mengetahui teknik penanaman serta konsep penjagaan cendawan yang betul.

Ini bagi membolehkan pengusaha cendawan mengurangkan kadar kerosakan cendawan selain mendapat keuntungan dan hasil maksimum.

Konsep penanaman yang dimaksudkan termasuklah teknik dan kemahiran penyediaan beg media (tempat membiak cendawan) tidak berpenyakit, pengukusan dan pemeraman sempurna, pengawalan penyakit dan kebersihan, penguasaan rumah cendawan teknik penuaian serta pemasaran.

Namun bagi pengusaha yang ingin menjalankan perusahaan ini secara komersial, mereka perlu mendapat pendedahan tentang cara penggunaan mesin dan peralatan yang digunakan dalam industri ini seperti mesin penggaul, mesin pengisi beg media dan mesin pengukus.

Melalui latihan dan kursus bimbingan, pengusaha akan didedahkan tentang ramalan pendapatan yang bakal diperoleh oleh mereka.

Purata pendapat pengusaha cendawan kini boleh mencecah RM3,000 sebulan jika pengusaha memulakan penanaman cendawan sebanyak 12,000 beg media.

Ini menunjukkan pendapatan yang seronok bagi pengusaha setanding dengan perusahaan dan industri lain.



BEG-BEG cendawan yang telah siap diisi media perlu dikukus sebelum disuntik dengan benih.

Bagi memberi pendedahan lengkap tentang teknik penanaman cendawan, beberapa kursus diadakan oleh pelbagai pihak di beberapa kawasan.

Antaranya kursus anjuran Perintis Agrotech Centre pada 30 Mac 2008 bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Mereka yang inginkan maklumat lanjut mengenai Kursus Intensif Penanaman Cendawan ini boleh menghubungi talian 019-3311298 atau 019-6634527.

Satu lagi kursus asas pengeluaran cendawan tiram kelabu akan diadakan di Rumah Cendawan, Unit Tanaman Cendawan, Seksyen Penyelidikan dan Agroteknologi, Taman Pertanian Universiti Putra Malaysia.

Kursus yang diadakan pada 5 hingga 6



CENDAWAN tiram kelabu yang telah dibungkus dan sedia dipasarkan.

April 2008 dianjurkan oleh Unit Tanaman Cendawan, Seksyen Penyelidikan dan Agroteknologi, Taman Pertanian Universiti, UPM.

Bagi mereka yang berminat boleh menghubungi 03-8946 7286/87 atau 012-394 8719

Pusat Latihan dan Kajian Atiqah Trading Agrotech juga akan menganjurkan Kursus Intensif Penanaman Cendawan pada 29 hingga 30 Mac 2008, di ladang Al-Fadullah Mushroom Tanjung Malim, Perak.

Pada kursus tersebut, peserta akan didedahkan tentang cara penanaman cendawan dari segi teori dan juga praktikal oleh pemilik ladang Dr. Johari.

Untuk keterangan lanjut boleh hubungi Dr. Johari dan atau di talian 05- 4541635 atau 019-3544888.



TEKNIK cendawan yang baik untuk hasil yang menggalakkan.